



**UCAPAN YBRS. DR. REZAL KHAIRI AHMAD
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF NANOMALAYSIA**

**SEMPENA MAJLIS
PENYAMPAIAN SIJIL PENYERTAAN KURSUS PENTERNAKAN
LEBAH KELULUT**

**KIULU, TAMPARULI, SABAH
AHAD, 28 FEBRUARI 2016**

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

SALUTASI

YANG BERTHORMAT DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Yang dihormati, Dato'-Dato', Datin-Datin, tetamu jemputan, tuan-tuan, puan-puan dan hadirin sekalian.

Yang diraikan, penerima-penerima Sijil Penyertaan Kursus Penternakan Lebah Kelulut.

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1MOSTI.

Kopisanangan kuma dikoyu ngawi (*Peace be with you all*) – bahasa Dusun.

1. Syukur kerana pada hari ini kita dapat menganjurkan Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan Kursus Penternakan Lebah Kelulut bersama Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang kita hormati. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan mewakili warga kerja Projek Tripolis merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kehadiran YB Datuk Seri Panglima ke majlis ini. Saya juga mengalu-alukan kehadiran semua tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan istimewa sekali kepada para peserta dan hadirin ke majlis ini.

2. Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan Kursus Penternakan Lebah Kelulut merupakan salah satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada para peserta. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan TAHNIAH kepada peserta yang telah menamatkan kursus dan saya pasti perusahaan lebah kelulut mampu menjana ekonomi setempat dan seterusnya membantu meningkatkan aktiviti pelancongan ke Kiulu.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Kursus Penternakan Lebah Kelulut ini merupakan inisiatif yang ditawarkan oleh pihak pengelola iaitu NanoMalaysia untuk membantu penduduk kampung belajar tentang cara penternakan yang betul dengan mempelajari teori dan praktikal penternakan daripada tenaga pakar. Para peserta bertuah kerana terpilih untuk mengikuti kursus ini yang mendapat sokongan penuh daripada pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di bawah program Inovasi Sosial MOSTI.

4. NanoMalaysia untuk makluman hadirin sekalian adalah agensi yang diberi mandat oleh kerajaan untuk mengkomersialkan penyelidikan dan pembangunan teknologi nano, mengindustrikan teknologi nano, memudah cara pelaburan dan membangunkan modal insan dalam teknologi nano. Tanggungjawab yang diberikan dalam program Inovasi Sosial MOSTI ini menguatkan lagi peranan kami untuk memberi sokongan kepada peningkatan taraf ekonomi rakyat.

5. Teknologi nano bermaksud penciptaan benda baharu pada ukuran skala nano yang saiznya digambarkan seperti sehelai rambut manusia yang dibelah sebanyak 100,000 kali. Teknologi nano ini diaplikasikan dalam kotak sarang lebah kelulut di mana kotak tersebut disalut dengan bahan nano yang menjadikan kotak tersebut bersifat anti mikrob dan tidak mudah reput yang seterusnya menjamin kualiti madu yang dikeluarkan.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Bumi Sabah sememangnya kaya dengan sumber alam semulajadi seperti pengeluaran getah dan minyak kelapa sawit. Sabah juga aktif dalam pembuatan tayar serba guna, sarung tangan getah dan aplikasi getah berdaya tahan untuk kegunaan industri berat yang boleh diperhebatkan dengan aplikasi teknologi nano. Minyak kelapa sawit dan sisa kelapa sawit pula digunakan untuk menghasilkan bahan kimia termaju dan juga bahan nano. Aktiviti-aktiviti untuk memperhebatkan keluaran getah dan kelapa sawit boleh di lakukan melalui program-program utama NanoMalaysia iaitu Program iNanovation, Pelan Tindakan Nasional Graphene (NGAP 2020) dan

Program NANO *Verify* yang mendapat sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bakal menjayakan sasaran tahun 2020.

7. NanoMalaysia selaku rakan usahama kepada ENACTUS Uniten telah mendapatkan sokongan dana Inovasi Sosial MOSTI dan Projek Madu Lebah Kelulut atau namanya Tripolis ini telah berjaya membawa nama Malaysia ke pertandingan sedunia ENACTUS World Cup 2015 di Johannesburg, Afrika Selatan. Kami amat berbangga dengan kejayaan para pelajar UNITEN dalam usaha mereka untuk membantu meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat dan secara tidak langsung memajukan industri pelancongan negara. Syabas buat pihak ENACTUS!

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Saya difahamkan madu kelulut di Pulau Tioman dijual pada harga RM 1,000 sekilo kerana mendapat sambutan yang tinggi daripada kalangan pelancong luar negara. Model perusahaan madu mereka telah dibawa ke Kiulu untuk dicontohi. Dengan kerjasama yang diberikan dan ilmu yang dikongsikan, saya berharap Kiulu dapat memajukan perusahaan madu lebah kelulut ini ke tahap lebih tinggi dan seterusnya menjadi tempat tumpuan bagi pelancongan tani berasaskan perusahaan madu kelulut.

9. Sehubungan itu, saya berpendapat, setiap isi rumah di Kiulu dapat memanfaatkan sumber asli yang sememangnya ada di sekitar Kiulu dan menjadi usahawan yang cemerlang.

10. Sebelum mengakhiri ucapan saya, ingin saya ucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta kursus dan penduduk Kiulu. Semoga ilmu yang telah dikongsikan membawa manfaat kepada semua. Kami di NanoMalaysia di bawah naungan MOSTI sentiasa menyokong produk keluaran tempatan dan yang berunsurkan inovasi sosial. Akhir kata daripada saya, teknologi nano adalah untuk manfaat semua dan diharap agar usaha kami ini akan diteruskan pada masa akan datang.

Sekian,

Ponsikou (Terima kasih- Dialek Dusun)